

30 APR 1999

Perladangan-Upah (Fokus Berita)

KEBUNTUAN DIATASI BAGI PEMBAYARAN GAJI BULANAN UNTUK PEKERJA LADANG

(Untuk diguna sempena Hari Pekerja)

Oleh: D. Sundara Raja

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Menjelang alaf baru, kebuntuan berhubung dengan pembayaran upah bulanan kepada pekerja dalam sektor perladangan di negara ini akhirnya dapat diatasi.

Pada Januari tahun ini, Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad yang mewakili pekerja ladang mengumumkan bahawa ia akan membayar upah secara bulanan kepada semua pekerja dalam 15 perladangannya.

Walaupun inisiatif itu bukan secara sukarela bagi pihak majikan, namun pemimpin kesatuan, pertubuhan bukan kerajaan dan kalangan industri menyatakan satu contoh telah ditunjukkan untuk diikuti oleh sektor yang lain.

Sejak dua dekad lalu, sektor perladangan mengalami kekurangan tenaga pekerja disebabkan pekerja tempatan menjauhkan diri daripada sektor perladangan kerana tidak berpuas hati dengan sistem upah berdasarkan hari dan keadaan kerja yang teruk.

Keadaan ini mendorong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dalam satu artikel dalam Mainichi Daily News baru-baru ini: "...sesetengah orang berkata jika pekerja Indonesia bekerja di ladang-ladang di negara ini, kita boleh membayar upah yang kurang kepada mereka. Tetapi jika dibiarkan, kita akan terlalu bergantung kepada mereka dan kita sendiri tidak boleh berbuat apa-apa."

Bagi menarik perhatian terhadap nasib mereka, kira-kira 2,000 pekerja ladang baru-baru ini mengemukakan rayuan dengan menyerahkan beribu-ribu poskad yang dimuatkan dalam kereta sorong dan dua baldi susu getah sebagai simbolik di Bangunan Parlimen di sini apabila anggota-anggota Dewan bersidang.

Para pekerja itu merayu kepada Dr Mahathir supaya campurtangan berhubung dengan tuntutan mereka bagi gaji minimum RM750, bonus sebulan gaji, kenaikan tahunan sebanyak RM50 dan faedah pemberhentian berupa RM1,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Pengerusi Koperasi Tan Sri K.R. Somasundram berkata: "Pihaknya cuma memenuhi kehendak pekerja dalam ladang-ladang milik koperasi."

"Mereka asyik menuntut upah secara bulanan setiap kali mesyuarat agung tahunan (AGM) diadakan. Sebagai koperasi yang akur dengan keputusan anggota pada AGM, kami memperkenalkan upah bulanan mulai Januari."

Bagaimanapun, badan yang menggabungkan semua pemilik ladang iaitu Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) tidak berpuas hati dengan keputusan itu dan meminta NLFCS menarik diri.

Sektor perladangan telah membyar upah berdasarkan hari bekerja sejak ladang-ladang bertapak 150 tahun lalu kerana getah tidak boleh ditoreh pada hari hujan dan ini bermakna majikan tidak memperolehi apa-apa hasil pada hari hujan.

Dua kesan positif daripada langkah itu ialah upah yang lebih tinggi bagi pekerja dan jumlah pekerja yang tidak datang bekerja berkurangan.

"Saya berpendapat langkah itu juga akan mendorong pekerja terus bekerja di ladang-ladang," kata Somasundram.

Ketua eksekutif koperasi B. Sahadevan berkata kajian tiga bulan pertama mengenai sistem upah berdasarkan bulan menunjukkan pekerja memperolehi purata pertambahan 10 peratus dalam pendapatan.

Beliau berkata sistem yang diperkenalkan oleh koperasi berkenaan ialah berupa sistem upah anjal yang akan memberi dorongan kepada pekerja bekerja dengan dedikasi.

Mengikut sistem itu, pekerja menerima gaji bulanan RM380, bonus (berdasarkan harga getah dan bilangan hari bekerja), insentif prestasi 45 sen bagi setiap kg melebihi 11 kg yang ditoreh dan elaun getah skrap 17 sen sekilo.

Seorang penoreh di ladang milik koperasi purata boleh memperoleh pendapatan RM600 hingga RM800 sebulan sementara pekerja yang lebih atas boleh mendapat sehingga RM1,400 selain kemudahan, perubatan, bekalan air dan elektrik percuma.

"Mengikut sistem upah bulanan, pekerja yang walaupun bekerja untuk cuma 10 hari kerana sakit atau hari hujan, beliau masih memperoleh gaji pokok RM380 sedangkan di bawah sistem lama, beliau mungkin mendapat cuma RM140 untuk 10 hari bekerja," kata beliau.

Langkah itu merupakan inisiatif kedua koperasi yang akan membawa perubahan besar dalam kehidupan pekerja-pekerja perladangan.

Koperasi yang mempunyai 80,000 anggota menjadi harapan pekerja-pelerja ladang pada awal 1960-an apabila beratus-ratus ladang dijual dan mengalami perpecahan, menyebabkan beribu-ribu pekerja hilang pekerjaan.

Pemimpin MIC ketika itu, V.T. Sambanthan, mengambil daya usaha bagi penubuhan koperasi untuk membeli sesetengah ladang yang ditawarkan untuk dijual dan melindungi kepentingan pekerja.

Presiden MIC sekarang Datuk Seri S. Samy Vellu yang menyokong keputusan koperasi mengenai pembayaran upah bulanan berkata langkah itu sepatutnya telah lama dilaksanakan.

"Pembayaran upah bagi sektor perladangan hendaklah seiring dengan pembangunan dalam sektor lain seperti sektor pengeluaran," kata beliau.

Kabinet telah meminta Kementerian Sumber Manusia memantau keberkesanan sistem upah bulanan sebelum melaksanakannya di ladang lain, kata beliau

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perladangan (NUPW) yang memperjuangkan isu itu selama bertahun-tahun menyatakan isu itu sekali lagi dibangkitkan semasa rundingan dengan MAPA bagi merundingkan perjanjian bersama yang ditandatangani pada 15 Jan tahun ini tetapi ia ditolak.

Setiausaha agungnya G. Sankaran berkata kesatuan yang mewakili 42,000 anggota itu berharap untuk membangkitkan isu itu apabila perjanjian bersama bagi pekerja kelapa sawit dirundingkan pada September tahun ini.

Pada 1986, kesatuan membelanjakan hampir setengah juta ringgit untuk membawa kes itu ke Mahkamah Perusahaan tetapi gagal apabila Presiden mahkamah menggunakan undinya terhadap tuntutan pekerja bagi upah bulanan.

"Amatlah memalukan kerana pekerja perladangan yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara tidak menikmati pulangan yang setimpal dan adil," menurut Prof Hamdan Adnan, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca).

Beliau menyifatkan koperasi itu sebagai model sambil berkata ia menunjukkan bahawa sistem upah bulanan adalah berkesan dan ladang lain harus mencontohinya.

Kalangan industri menyatakan bahawa penorehan getah ialah satu kerja pekerjaan yang mahir dan oleh itu, pekerja harus dibayar upah bulanan untuk memberi dorongan kepada mereka meningkatkan kualiti kerja dan tidak berhijrah ke sektor lain.

Kalangan itu menyebut bahawa sudah tiba masanya pengurusan ladang bukan sahaja memberi gaji bulanan tetapi juga menggunakan indeks harga pengguna sebagai petunjuk bagi mengira gaji yang sewajarnya.

-- BERNAMA

DSR AU FAZ